

02 MAY 2003

Kadir-Perangkap

PENGHARAMAN MAJALAH ASING DIANGGAP SEBAGAI "PERANGKAP"

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Langkah mengharamkan majalah The Economist bukan cara yang terbaik untuk membetulkan laporan negatif terhadap negara dan kepimpinannya, sebaliknya ia dilihat sebagai "perangkap" media asing untuk menguji tahap kebebasan media di negara ini, kata Ketua Pengarang Kumpulan Berita Publishing Sdn Bhd Datuk Abdul Kadir Jasin.

Katanya, sekiranya tindakan mengharamkan pengedaran dan penjualan majalah tersebut dibuat, Malaysia akan dilihat sebagai sebuah negara yang tidak boleh dikritik dan kepimpinan yang ada kini (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) akan dianggap sebagai diktator.

"Itu (mengharamkan) yang dikehendaknya (majalah The Economist)...kalau dia diharamkan, dia akan jadi hero dan wartawan dia (yang menulis rencana menghina Dr Mahathir) akan naik pangkat. Kalau kita haramkan kita akan masuk perangkap mereka," katanya.

Abdul Kadir yang juga bekas Pengerusi Bernama berkata demikian ketika diwawancara dalam rancangan forum bertajuk "Campur Tangan Media Asing Di Negara-negara Membangun" yang disiarkan oleh saluran Perdana Radio Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Turut menjadi tetamu dalam rancangan itu ialah Presiden Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ), Norila Mohd Daud.

Menurut Abdul Kadir, apa yang perlu dilakukan bagi menangkis rencana atau tulisan yang berbentuk negatif terhadap pemimpin atau negara ialah dengan menjawab balik kritikan-kritikan yang dibuat itu.

Beliau bagaimanapun berpendapat Dr Mahathir bukanlah orang yang "sepatutnya" menjawab semua kritikan yang dibuat ke atas diri beliau sebaliknya, berkata tindakan membetulkan kenyataan yang dibuat majalah itu harus dilakukan sama ada oleh Kabinet, Ketua Setiausaha Negara atau parti Umno dan Barisan Nasional yang memerintah negara ini.

"Bagi saya PM tak perintah negeri ini sendirian, melainkan dengan sokongan Kabinet, Umno...Dr Mahathir memerintah negara ini selama 20 tahun dengan sokongan BN, rakyat dan Kabinet. Saya rasa inilah agensi-agensi atau kumpulan-kumpulan dalam negara yang perlu menjawab, bukan Dr Mahathir," katanya.

Sementara itu, Norela berpendapat dalam era ledakan maklumat ini, adalah tidak wajar sekiranya tindakan pengharaman ke atas mana-mana penerbitan asing yang didapati menulis rencana atau artikel yang tidak memihak kepada negara.

Beliau berpendapat bahawa penulisan media asing sama ada baik atau buruk menggambarkan bahawa Malaysia menjadi sebuah negara yang menjadi tarikan kepada dunia luar.

"Dalam era globalisasi ini, saya rasa kita perlu bersikap lebih terbuka dan menerima setiap penulisan yang mengkritik keburukan kita itu dengan fikiran positif. Adalah tidak wajar kalau kita mengambil tindakan mengharamkan penerbitan luar semata-mata ia menyentuh atau menyiarkan maklumat yang menyentuh perasaan kita," katanya.

Menurut Abdul Kadir adalah mustahil untuk media tempatan untuk menandingi media asing, namun kita, katanya masih boleh mengurangkan pengaruh media asing dengan cara kita memahami mereka.

"Media asing, khususnya media masa antarabangsa mereka mempunyai tujuan dan kumpulan sasar yang lain...agenda mereka, ialah mereka mahu menjadi "the player" dalam membuat sesuatu laporan. Mereka berupa wartawan tanpa

sempadan," katanya.

Oleh itu katanya, media tempatan tidak boleh sekadar mengkritik atau memarahi media asing semata-mata laporan yang ditulis telah menyentuh emosi dan perasaan kita.

-- BERNAMA
RAM RAM MOZ